


PENDARATAN ANGKATAN PERANG MARIN AMERIKA DI UTARA KOREA


Tiap-tiap orang sekarang bertanya-tanya adakah perjuangan di Korea itu akan membawa kepada Perang Dunia yang Ketiga? Inilah perkara yang menjadi fikiran tiap-tiap seorang tatkala melihat bahawa rundingan damai di dalam perkara Korea itu belum juga didapati.



Kapal terbang Amerika sedang berlabuh di hadapan pelabuhan Hongnam yang telah dibinasakan tatkala mereka undur.



Askar-askar Amerika di dalam salji yang tebal itu sedang sibuk membuat pertahanan-pertahanan dengan kawat berduri tatkala mereka undur daripada serangan-serangan komunis China.



Bukan sahaja orang-orang tetapi juga alat-alat senjata adalah dipindahkan daripada pelabuhan Hongnam tatkala tentera Amerika pindah dari pelabuhan itu.



Masalah orang awam adalah sesuatu peperangan itu ialah suatu masalah yang payah diselenggarakan. Dalam gambar ini kelihatan orang-orang berpindahan (mengungsi) sedang turun di sebuah kapal dari pelabuhan Hongnam – Gambar-gambar A.P.